

# ACEPRIL TABLET

Lisinopril (10mg and 20mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan ACEPRIL
2. Bagaimana ACEPRIL berfungsi
3. Sebelum menggunakan ACEPRIL
4. Cara menggunakan ACEPRIL
5. Semasa menggunakan ACEPRIL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ACEPRIL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

**Apakah kegunaan ACEPRIL**  
ACEPRIL digunakan untuk merawat:

- tekanan darah tinggi
- kegagalan jantung kongestif

## Bagaimana ACEPRIL berfungsi

ACEPRIL mengandungi bahan aktif Lisinopril. Lisinopril tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan perencat ACE. Ia berfungsi dengan meluaskan salur darah. Ia memudahkan jantung anda mengepam darah ke seluruh badan.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan ACEPRIL dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin membekalkan ACEPRIL untuk tujuan lain.

## Sebelum menggunakan ACEPRIL

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- lisinopril, bahan aktif
- mana-mana perencat ACE yang lain
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Jangan mengambil ACEPRIL jika:

- anda pada masa yang lalu mengalami bengkak pada muka, bibir, lidah atau tekak yang disebabkan oleh rawatan dengan ubat yang serupa (perencat ACE)
- anda hamil atau menyusukan bayi
- anda menjalani hemodialisis

Jangan mengambil ACEPRIL selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

### - Sebelum mula menggunakan ACEPRIL

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda pernah mengalami atau mempunyai masalah kesihatan seperti yang berikut:

- Masalah buah pinggang
- Masalah hati
- Tekanan darah rendah
- Menyempitan injap aortik

Beritahu doktor anda jika anda bercadang untuk hamil atau menyusukan bayi. ACEPRIL

tidak patut diambil semasa kehamilan atau menyusukan bayi.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil ACEPRIL.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan ACEPRIL boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuklah:

- Ubat lain yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi
- Diuretik
- Suplemen potassium
- Lithium
- Ubat anti-inflamasi

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh ACEPRIL atau mungkin menjelaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil ACEPRIL atau yang perlu dielakkan.

Cara menggunakan ACEPRIL	ACEPRIL mesti diambil setiap hari.	Semasa menggunakan ACEPRIL
Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.	- <u>Jika terlupa menggunakan</u>  Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.	- <u>Perkara yang perlu dilakukan</u>  Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.
Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.	Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.  Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.	Beritahu doktor anda jika, untuk sebarang sebab, anda tidak mengambil ubat ini seperti yang diarahkan.
- <u>Berapa banyak harus digunakan</u>  Doktor anda akan menentukan jumlah pil yang perlu diambil setiap hari. Ini bergantung kepada keadaan yang dirawat dan sama ada anda mengambil sebarang ubat lain.	Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.	Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ACEPRIL.
<i>Untuk tekanan darah tinggi</i> Untuk kebanyakan pesakit, dos permulaan biasanya 10mg diambil sekali sehari.	Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.	Beritahu doktor anda jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.
Sesetengah pesakit mungkin perlu mengambil dos permulaan yang rendah. Dos ini mungkin perlu dinaikkan bergantung kepada tekanan darah anda.	- <u>Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)</u>  Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil ACEPRIL, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.	Beritahu doktor anda dengan segera jika anda rasa gayang atau pening selepas mengambil dos pertama ACEPRIL atau jika dos anda dinaikkan.
Kebanyakan pesakit ambil dos di antara 10 hingga 20mg setiap hari, diambil sekali	Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.	Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil ACEPRIL.
- <u>Bila perlu digunakan</u>  Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.	Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.	- <u>Perkara yang tidak boleh dilakukan</u>  Jangan berhenti mangambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.
Anda boleh mengambil ubat ini sama ada sebelum atau selepas makan.		Jangan mengambil ACEPRIL untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diaruh oleh doktor anda.
- <u>Berapa lama perlu digunakan</u>  Teruskan mengambil ACEPRIL selagi diarahkan oleh doktor anda.		Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.
ACEPRIL membantu mengawal tekanan darah tinggi anda dan menambahbaik kegagalan jantung, tetapi tidak menyembuhkannya.		- <u>Perkara yang perlu diberi perhatian</u>  Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana ACEPRIL mempengaruhi anda.

ACEPRIL mungkin menyebabkan pening (gayang) atau keletihan di kalangan sesetengah pesakit, terutamanya selepas mengambil dos pertama atau jika dos anda dinaikkan.

Pastikan anda tahu bagaimana anda bertindak terhadap ACEPRIL sebelum anda memandu, mengendalikan mesin atau melakukan sebarang aktiviti yang mungkin merbahaya jika anda pening atau gayang.

Jika anda minum alkohol, rasa pening atau gayang akan bertambah teruk.

#### Kesan-sesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- Gayang atau pening
- Sakit kepala
- Letih
- Batuk kering
- Perut tidak selesa seperti rasa tidak sihat, cirit-birit atau sakit perut

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

#### Cara penyimpanan dan pelupusan ACEPRIL

##### - Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 25°C.

Jangan simpan ACEPRIL atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

##### - Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil ACEPRIL atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

#### Maklumat lanjut

##### - Rupa dan warna produk

#### ACEPRIL 10MG TABLET

Pil berdiameter 10mm, berbentuk bujur, berwarna hijau muda dengan tanda "DUO 861".

#### ACEPRIL 20MG TABLET

Pil berdiameter 10mm, berbentuk bujur, berwarna

hijau muda dengan tanda "DUO 861".

##### - Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

ACEPRIL 10MG TABLET

- Setiap pil mengandungi 10mg lisinopril

ACEPRIL 20MG TABLET

- Setiap pil mengandungi 20mg lisinopril

Bahan tidak aktif:

ACEPRIL 10MG TABLET

- *Promigel*
- *Brilliant Blue FCF*
- *Lactose*
- *Aerosil*
- *Quinoline Yellow*

- *Cornstarch*

- *Magnesium stearate*

ACEPRIL 20MG TABLET

- *Promigel*
- *Sunset Yellow*
- *Lactose*
- *Aerosil*
- *Quinoline Yellow*
- *Cornstarch*
- *Magnesium stearate*

##### - Nombor MAL

ACEPRIL 10MG TABLET  
MAL19950166A

ACEPRIL 20MG TABLET

MAL19950167A

#### Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

#### Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

#### Tarikh kemaskini RIMUP

04/02/2014